

TAWARAN BIASISWA SKIM TENAGA PENGAJAR MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TAHUN 2008

Permohonan adalah dipelawa daripada bumiputera warganegara Malaysia yang dinamis dan ingin membina kerjaya dalam bidang pengajaran dan penyelidikan serta mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk memohon biasiswa di bawah Skim Tenaga Pengajar Muda Universiti Teknologi MARA Tahun 2008 bagi mengikuti kursus-kursus Ijazah Kedoktoran/Profesional/Sarjana dalam bidang-bidang sepertimana yang diiklankan.

KELAYAKAN MEMOHON

1. Calon-calun mestilah mempunyai
 - a. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Sarjana yang diiktiraf (untuk permohonan pengajian peringkat Ph.D)
 - b. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dari Universiti yang diiktiraf (untuk permohonan pengajian peringkat Sarjana)
2. **Calon-calun lulusan Sarjana Muda (Kepujian) mestilah memperolehi sekurang-kurangnya Kelas Dua Atas dan CGPA 3.00.**
3. Bagi kursus-kursus Perubatan dan Pergigian, calon-calun mestilah mempunyai kelulusan Ijazah Perubatan (MBBS/M.D), Ijazah Pergigian dari Universiti Yang diiktiraf.
4. Mendapat **kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE.**
5. Bebas dari ikatan kontrak sama ada dari Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Firma a tau badan-badan lain.
6. Calon-calun mestilah benar-benar berminat dalam bidang pengajaran dan penyelidikan
7. **-Berumur tidak lebih dari 30 tahun pada 31 Disember 2007 bagi pengajian peringkat Ph.D.**
-Berumur tidak lebih dari 30 tahun pada 31 Disember 2007 bagi pengajian peringkat Sarjana.
-Bagi kursus Perubatan/Pergigian, calon-calun hendaklah berumur tidak lebih daripada 35 tahun pada 31 Disember 2007.

CARA-CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh dimuat turun (down load) melalui laman web UiTM <http://www.uitm.edu.my> mulai **04 November 2007** dan dikemukakan dalam dua (2) salinan kepada:

**Ketua Timbalan Pendaftar
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sila tandakan ‘TPM/UiTM tahun 2008’ dan nyatakan bidang pengkhususan di sudut kiri sampul surat permohonan semasa mengembalikan borang tersebut.

PERINGATAN

1. Pemohon yang berjaya ditawarkan biasiswa dikehendaki mengambil peperiksaan IELTS/TOEFL/GMAT/GRE (yang mana berkenaan) dengan memperolehi skor minima:-
 - 1.1 Pengajian **DALAM** Negara:-
IELTS 5.0 / TOEFL 460 (PBT) / TOEFL 140 (CBT)
 - 1.2 Pengajian **LUAR** Negara:-
IELTS 6.0 / TOEFL 600 (PBT) / TOEFL 240 (CBT)
2. Pemohon digalakkan membuat persediaan awal dengan berusaha untuk mendapatkan tempat pengajian sendiri di universiti-universiti yang diiktiraf oleh kerajaan.
3. **Borang-borang permohonan yang tidak lengkap, tidak akan diproses.**
4. Hanya calon-calon yang telah disenarai tapis sahaja akan dipanggil temuduga.
5. **Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.**
6. Sila berhubung dengan Fakulti berkenaan untuk maklumat lanjut berhubung bidang yang dipohon.
7. **TARIKH TUTUP IKLAN ADALAH 18 NOVEMBER 2007.**

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:-

Puan Sapiah Mohd Salleh
Penolong Pendaftar Kanan
03-55443100

Encik Mohd A'zimi Mokhtar
Penolong Pendaftar
03-55443106

Puan NurulAkma Hairoman
Pegawai Eksekutif
03-55443236

Encik Haikal Mustapa / Puan Norazila Baharudin
Kerani
03-55443108